

## **MEMPERKASA MOTIVASI PENCAPAIAN PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN MELALUI PENDEKATAN MODUL MOTIVASI**

*Jamaludin Ahmad & Mohamad Safuan Rosli*  
*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ciptaan Jamaludin Ahmad (2011) terhadap motivasi pencapaian pelajar kolej kediaman di Universiti Putra Malaysia. Reka bentuk kajian eksperimen telah digunakan untuk menentukan keberkesanan modul motivasi IPT ke atas motivasi pencapaian dengan menggunakan soal selidik Ujian Motivasi Pencapaian (UMP) ciptaan Abu Bakar Nordin (1995). Subjek kajian terdiri daripada pelajar Kolej Kediaman Kolej Tun Dr. Ismail, Universiti Putra Malaysia. Bilangan subjek kajian eksperimen adalah 30 orang iaitu 15 orang untuk kumpulan eksperimen dan 15 orang untuk kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen telah diberikan rawatan menggunakan Modul Motivasi IPT manakala kumpulan kawalan tidak menerima apa-apa rawatan. Ujian pra dan ujian pasca telah diberikan kepada 30 orang pelajar tersebut dalam kedua-dua kumpulan. Untuk menguji hipotesis, ujian-t bersandar telah digunakan dan kaedah analisis menggunakan Statistical packages for the Sosial Science (SPSS). Dapatan kajian membuktikan bahawa modul motivasi IPT berkemampuan meningkatkan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar kolej kediaman di Universiti Putra Malaysia.

### **Pendahuluan**

Modul merupakan satu pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit konsep mata pelajaran. Ia juga merupakan satu usaha untuk pengajaran secara individu dan membolehkan seseorang pelajar menguasai satu unit kandungan mata pelajaran sebelum bergerak kepada unit lain (Russell, 1974). Modul juga didefinisikan sebagai satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berturutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat (Jamaludin Ahmad, 2001).

Motivasi merupakan suatu dorongan yang boleh memberi tenaga dan semangat tambahan kepada seseorang mahasiswa dan mahasiswi untuk bertindak dan berusaha dengan gigih bagi mencapai hasrat yang diinginkan. Motivasi menjadi dorongan untuk mengubah mental atau fikiran penuntut IPT ke arah perubahan tingkah laku merangkumi kehendak, naluri dan matlamat. Perkara tersebut penting apabila seseorang individu ingin mengecapi kejayaan kerana sesuatu matlamat memandu kita ke arah yang ingin dicapai. Menurut Atan Long (1978), motivasi ialah penggerak yang merupakan tenaga yang menghala dan menguruskan tingkah laku menuju ke arah matlamat yang dicapai. Dalam hal ini, matlamat yang hendak dicapai ialah keserasian kerjaya dengan minat, nilai, personaliti dan kebolehan individu. Suradi Salim (1987) berpendapat motivasi adalah penggerak tingkah laku. Pelajar yang bermotivasi tinggi lebih tekun dan berminat untuk belajar. Modul motivasi merupakan modul yang berteraskan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar ke arah meningkatkan produktiviti, pencapaian, semangat dan kesedaran yang berkekalan. Oleh yang demikian, salah satu faktor yang dikatakan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar ialah motivasi pencapaian. Terdapat banyak perkara yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di IPT, dan salah satu daripada perkara itu ialah motivasi pencapaian.

Seseorang mahasiswa mahupun mahasiswi berjaya meningkatkan motivasi dalamannya apabila individu tersebut bersedia, memahami dan melibatkan diri secara aktif dalam program-program motivasi (Mc Clelland, 1985). Kenyataan ini membuktikan bahawa program-program motivasi berperanan besar dalam meningkatkan tahap motivasi dalaman seseorang individu. Di sinilah bukti keperluan modul motivasi sebagai alat meningkatkan tahap motivasi dalaman bagi setiap kumpulan sasaran termasuklah pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Mahasiswa dan mahasiswi di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sentiasa terdedah dengan pelbagai cabaran ketika melanjutkan pengajian di IPT. Mereka harus membuktikan bahawa diri mereka berjaya dengan cemerlang sama ada dalam akademik atau bukan akademik. Oleh sebab itu, motivasi diri mereka harus dibentuk agar lebih cemerlang sebelum mereka bergraduasi nanti.

Golongan mahasiswa dan mahasiswi amat dititikberatkan dalam modul ini kerana golongan ini biasanya tinggal bersendirian dengan rakan-rakan di asrama yang terletak berjauhan dari keluarga. Dengan ini, perhubungan mereka lebih tertumpu pada rakan-rakan berbanding keluarga dalam tempoh pengajiannya di IPT. Dengan ini, modul yang dijalankan secara berkelompok memberikan kesan lebih positif kerana mereka berada dalam kelompok yang signifikan denganya.

Oleh yang demikian, memotivasikan pelajar bermula daripada bimbingan dan seterusnya kepada pendekatan psikologikal yang lebih mendalam. Suasana ini menyebabkan peranan kaunselor dalam program motivasi di anggap sangat penting. Penglibatan secara menyeluruh dalam program motivasi memperlihatkan kemantapan program tersebut khususnya dalam hal yang melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan psikologi. Mc Guire dan Lyons (1985) menyatakan bahawa masalah pencapaian pelajar khususnya dalam bidang akademik seringkali dikaitkan dengan beberapa faktor seperti faktor tingkah laku yang terganggu berpunca akibat faktor dalaman yang dialami oleh pelajar berkenaan. Antara faktor tersebut ialah rasa kekecewaan dan kebosanan yang dialami oleh pelajar. Keadaan ini menyebabkan pelajar lebih mudah terleka dan terganggu dan mengakibatkan hilang minat terhadap akademik.

Bluer (1989) berpendapat punca hilangnya motivasi antara faktor berlakunya kemerosotan akademik disebabkan kurangnya perhatian daripada orang yang penting dalam kehidupan pelajar berkenaan. Orang yang dimaksudkan ialah ibu bapa, ahli keluarga dan para pendidik yang terlibat. Kurang atau tidak adanya perhatian yang wajar daripada mereka boleh menghalang motivasi pencapaian pelajar, khususnya terhadap aspek penghormatan dan keyakinan sendiri. Ini boleh mendorong pelajar untuk bertindak dengan tingkah laku yang tidak sihat dan seterusnya hilang motivasi yang boleh mengakibatkan dirinya tidak berminat terhadap bidang akademik. Metcalfe (1981) mendapati bahawa pelajar yang tinggi konsep kendirinya menunjukkan sikap yang positif dan sentiasa tinggi motivasi pencapaiannya. Begitu juga sebaliknya, pelajar yang rendah konsep kendirinya sering menunjukkan sikap yang negatif dan rendah motivasi pencapaiannya.

### **Modul Motivasi IPT**

Aktiviti modul motivasi IPT ini telah dihasilkan oleh Jamaludin Ahmad (2011) bersama-sama dengan tujuh orang pembantu penyelidik. Pembinaan aktiviti modul motivasi IPT untuk mahasiswa ini adalah berdasarkan kepada keperluan untuk memotivasikan mahasiswa dan mahasiswi ke arah lebih cemerlang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pembinaan aktiviti modul motivasi ini adalah berdasarkan kepada Model Pembinaan Modul Rusell (1974).

Aktiviti modul motivasi IPT di bina secara berperingkat-peringkat iaitu dengan menjadikan buku tulisan Jamaluddin Ahmad (2008) berjudul 'Modul dan Pengendalian Bimbingan Kelompok' sebagai teks rujukan utama. Selepas itu tujuh pembantu penyelidikan telah dilantik bagi mengkaji, meneliti, menokoh tambah, mengubahsuai, memurnikan dan berdiskusi mengenai ke semua aktiviti modul dalam buku tersebut. Selepas itu, kajian rintis telah di jalankan di salah sebuah universiti di negeri Selangor bagi melihat kekuatan dan kelemahan aktiviti modul motivasi IPT tersebut. Seterusnya dilakukan pemurnian, penambahbaikan dan perbincangan ke atas aktiviti modul motivasi IPT tersebut. Akhirnya, peringkat terakhir ialah merujuk kepada pakar modul bagi mendapatkan kesahan kandungan aktiviti modul motivasi IPT serta mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan modul motivasi IPT.

### **Pendekatan Teori**

Teori motivasi pencapaian Mc Clelland (1961; 1985) telah dijadikan sandaran utama dalam membincangkan keberkesanan modul aktiviti ke atas motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Mc Clelland (1961) menekankan bahawa motivasi pencapaian individu berkait dengan motivasi dalaman yang membentuk tingkah laku seseorang. Tingkah laku ini boleh dibentuk dan dirangsang ke arah mencapai sesuatu kejayaan. Oleh sebab itu, beliau menekankan bahawa terdapat hubungan yang sangat erat antara motivasi

pencapaian dengan kejayaan dalam pelbagai aspek termasuklah aspek pendidikan. Individu yang berjaya ialah mereka yang bermotivasi pencapaian tinggi dan mereka ini mempunyai matlamat mahu mengejar kejayaan.

Mc Clelland (1985) menjelaskan secara mendalam bahawa keperluan individu kepada pencapaian adalah berdasarkan kepada desakan motivasi yang kuat. Motif pencapaian dikatakan boleh mengarah seseorang individu untuk mencari situasi yang menyediakan cabaran yang sederhana dan berkemahiran, melaksanakan tugas dengan baik dan mempunyai keyakinan yang kuat untuk memperoleh kejayaan.

Mc Clelland (1985) secara mendalam telah mentakrifkan motif pencapaian sebagai satu keinginan atau kecenderungan untuk mengatasi halangan, beraksi tegas, serta menggunakan kuasa untuk mencuba melakukan sesuatu yang sukar dengan seberapa segera dan sebaik yang mungkin. Oleh itu, pencapaian tidak hanya bermakna melakukan sesuatu dengan baik tetapi juga melakukan sesuatu yang lebih mencabar dengan kadar yang lebih baik. Mc Clelland (1985) menjelaskan motif pencapaian ini merupakan satu ciri dan sifat individu yang agak stabil. Orang yang sentiasa ingin mencapai sesuatu matlamat akan memaparkan sifat-sifat yang berlainan daripada individu yang kurang inginkan pencapaian. Ada individu lain yang lebih berjaya daripada individu yang lain kerana individu tersebut mempunyai keinginan pencapaian yang lebih tinggi dan seterusnya memberi mereka motivasi yang lebih tinggi untuk melakukan sesuatu perkara sehingga berjaya.

Individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi ini mempunyai sifat-sifat tertentu. Antara lain ialah mereka tekun bekerja, tabah hati, suka bekerja dengan orang yang dapat memberi sumbangan yang sempurna, sering menetapkan piawai pencapaian untuk berjaya, menumpukan perhatian pada masa hadapan, tidak mengambik kira tentang nasib, jarang sekali mengambil risiko yang tinggi dan mereka ini amat bertanggungjawab (Mc Clelland, 1985).

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan penggunaan modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap motivasi pencapaian pelajar Universiti Putra Malaysia. Terdapat 2 objektif kajian iaitu:

1. Mengetahui perbezaan skor motivasi pencapaian antara ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan eksperimen.
2. Mengetahui perbezaan skor motivasi pencapaian antara ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan.

### **Persoalan Kajian**

1. Adakah penggunaan modul motivasi IPT dapat meningkatkan motivasi pencapaian pelajar Universiti Putra Malaysia secara keseluruhannya?
2. Adakah terdapat perbezaan motivasi pencapaian sebelum dan selepas modul motivasi IPT dijalankan?

### **Hipotesis Kajian**

Menurut Sidek Mohd Noah (2002), hipotesis boleh didefinisikan sebagai suatu pendapat yang belum sempurna iaitu berupa ramalan penulis terhadap hasil penyelidikannya. Hipotesis kajian eksperimen ini adalah seperti berikut:

- H<sub>1</sub> Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar yang mengikuti modul motivasi IPT (kumpulan eksperimen).
- H<sub>2</sub> Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar yang tidak mengikuti modul motivasi IPT (kumpulan kawalan).

### **Keputusan Kajian**

Hasil kajian ini amat berguna kerana jika didapati berkesan maka bolehlah modul motivasi IPT ini dijadikan satu cadangan untuk dilaksanakan di semua IPT sama ada Institut Pengajian Tinggi Awan (IPTA) ataupun Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh Malaysia. Modul ini juga boleh dijadikan asas panduan kepada penciptaan modul-modul lain yang bersifat motivasi.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini hanya dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar Universiti Putra Malaysia yang mendiami di kolej kediaman Tun Dr. Ismail sahaja. Kajian ini akan melibatkan seramai 30 orang pelajar iaitu 15 orang pelajar kumpulan kawalan dan 15 orang pelajar kumpulan eksperimen. Fokus utama dalam kajian ini ialah meninjau kesan modul motivasi IPT ke atas motivasi pencapaian pelajar sahaja. Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik akan bersandarkan kepada Teori Motivasi Pencapaian yang telah diperkenalkan oleh Mc Clelland (1961; 1985).

### **Kajian Lepas**

Sorotan kajian menurut Sidek Mohd Noah (2001) ialah sokongan kepada semua perkara, teori, kajian lepas atau komen mengenainya, yang diperoleh melalui kajian perpustakaan, yang bersangkutan dengan tajuk. Sorotan kajian juga boleh ditafsirkan dengan mengkaji penyelidikan yang berkaitan bagi mengenalpasti sejauh mana sesuatu masalah yang berpotensi telah di kaji. Dengan kata lain, sorotan kajian adalah satu tinjauan semula terhadap sesuatu sumber bertulis. Tujuan utama sorotan kajian ialah untuk memperbaiki kaedah penyelidikan sesuatu kajian serta meluaskan asas pengetahuan dalam sesuatu bidang penyelidikan yang dibuat (Majid Konting, 1998).

Shaharom Noordin (1995) telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian akademik. Tujuan kajian ialah untuk melihat hubungan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian akademik. Kajian ini berbentuk korelasi. Pengkaji telah memilih subjek yang terdiri daripada 196 orang pelajar tingkatan empat sekolah menengah di Kuala Lumpur untuk melihat kemurungan dalam kalangan pelajar terutamanya mereka yang rendah motivasi pencapaian dan rendah akademiknya. Alat ukur kemurungan iaitu *Children Depression Inventory* (CDI) telah digunakan. Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan korelasi *product moment* (Pearson  $r$ ).

Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian akademik iaitu ( $r = .32, p < .05$ ). Ini bermakna pelajar yang tinggi motivasi pencapaiannya akan tinggi juga pencapaian akademiknya. Sebaliknya pelajar yang rendah motivasi pencapaiannya akan rendah juga pencapaian akademiknya. Kajian ini juga membuktikan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kemurungan dengan motivasi pencapaian di kalangan pelajar iaitu ( $r = -.46, p < .05$ ). Ini bermakna pelajar yang tinggi motivasi pencapaiannya akan mempunyai kemurungan yang tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang negatif antara kemurungan dengan pencapaian akademik iaitu ( $r = -.48, p < .05$ ). Ini bermakna pelajar yang tinggi pencapaian akademiknya akan mengalami kemurungan yang rendah.

Badrunsham Dahalan (1999) dalam kajian yang berkaitan keberkesanan modul latihan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ciptaan Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap motivasi pencapaian dan pencapaian akademik yang telah dilaksanakan ke atas 60 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi, Selangor yang telah dipilih secara rawak untuk sampel kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Ujian motivasi pencapaian dan skor pencapaian akademik telah digunakan untuk kajian pra dan ujian pasca. Hipotesis kajian tersebut telah dianalisis dengan menggunakan ujian- $t$  dan pekali korelasi Pearson. Alat ukuran yang digunakan ialah Ujian Motivasi Pencapaian dengan nilai pekali kebolehpercayaannya ialah .84 sebagai pemboleh ubah bersandar dan modul latihan PRS sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Hasil kajian menunjukkan bahawa modul latihan PRS

dapat meningkatkan motivasi pencapaian dan pencapaian akademik, di samping menunjukkan hubungan yang signifikan antara motivasi pencapaian dan pencapaian akademik.

Sidek Mohd Noah dan Mohd Ali Jaamat (1998) telah menjalankan kajian untuk menguji keberkesanan penggunaan modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar di salah sebuah sekolah di Negeri Sembilan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk eksperimen ujian pra dan ujian pasca serta kelompok kawalan rawak. Subjek kajian terdiri daripada 50 orang pelajar tingkatan 4 yang kemudiannya diagihkan kepada tiga kumpulan secara rawak mudah menggunakan prosedur pepadanan. Tiga kumpulan tersebut ialah kumpulan eksperimen yang mendapat rawatan secara kelompok, kumpulan eksperimen yang mendapat rawatan secara kumpulan besar dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen diberikan rawatan menggunakan modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang mengandungi lima fasa yang telah diperkenalkan oleh Sidek Mohd Noah.

Ketiga-tiga kumpulan diberikan Ujian Pencapaian mehrabian sebelum dan selepas rawatan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan ujian-*t* bersandar dan ANOVA sehalu. Keputusan-keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu, telah dapat meningkatkan motivasi pencapaian di kalangan pelajar.

Mohd Ali Jaamat (1999) telah sekali lagi menjalankan kajian keberkesanan penggunaan modul motivasi dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar di beberapa buah sekolah menengah di Daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian eksperimen ujian pra dan ujian pasca kelompok kawalan rawak. Subjek kajian terdiri daripada 120 orang pelajar tingkatan 4 daripada tiga buah sekolah menengah yang berlainan. Pemilihan subjek dilakukan secara rawak mudah dan kemudian menggunakan prosedur pepadanan.

Subjek kajian dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen dibahagikan pula kepada tiga kelompok iaitu kelompok kecil seramai 20 orang daripada sebuah sekolah yang di kaji. Kumpulan eksperimen telah diberikan motivasi dalaman dan luaran melalui fasa menggunakan modul Kaunseling Kerjaya Bersepadu. Setiap kumpulan eksperimen dan kawalan diberikan ujian pengukuran motivasi pencapaian pada peringkat ujian pra dan ujian pasca.

Alat ukuran yang digunakan ialah Ukuran Pencapaian Mehrabian dan Ujian Personaliti Sidek (trait pencapaian) yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Data-data yang telah dikumpul telah dianalisis menggunakan bantuan program komputer SSPS/PC+. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat keberkesanan penggunaan modul motivasi dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar di beberapa sekolah menengah di daerah Jelebu, Negeri Sembilan pada aras signifikan .05.

Zarina Abd Wahab (1991) telah menjalankan kajian mengenai keberkesanan modul Perkembangan Kerjaya bersepadu terhadap peningkatan motivasi pencapaian di kalangan pelajar matrikulasi Kolej Kediaman Pendita Za'ba, Universiti Putra Malaysia. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian eksperimen ujian pra dan ujian pasca kelompok kawalan rawak. Subjek kajian yang terpilih terdiri daripada 24 orang pelajar matrikulasi sains tahun satu yang menginap di Kolej Pendita Za'ba.

Pemilihan sampel dilakukan secara rawak mudah dan kemudian menggunakan prosedur pepadanan. Subjek-subjek dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 12 orang kumpulan eksperimen dan 12 orang kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen telah diberi modul motivasi yang mengandungi tiga fasa iaitu kenal diri, bina matlamat dan ceramah motivasi. Kedua-dua kumpulan subjek telah diberi ujian pengukuran motivasi pencapaian pada peringkat ujian pra dan ujian pasca.

Alat kajian yang telah digunakan ialah Ukuran Pencapaian Mehrabian dan Ujian Personaliti Sidek (trait pencapaian) yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya dengan setiap satu mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .83 dan .88. Data yang telah dikumpul dianalisis dan diuji dengan menggunakan ujian-*t* dua pemboleh ubah bersandar dan ujian-*t* dua pemboleh ubah tidak bersandar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat keberkesanan penggunaan modul dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar matrikulasi pada aras signifikan .05.

Chuah Kim Lian (1995) telah menguji kesan motivasi pencapaian terhadap sekumpulan pelajar sekolah menengah. Program latihan motivasi pencapaian direka bentuk berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang telah digunakan dalam edisi Mc Clelland. Program latihan terdiri daripada sepuluh aktiviti yang dijalankan dalam lima sesi dengan setiap sesi mengambil masa dua setengah jam. Subjek kajian terdiri daripada 70 orang pelajar tingkatan 4 yang dipilih secara rawak. Mereka telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dengan setiap kumpulan berjumlah 35 orang pelajar. Rawatan dalam bentuk latihan diberikan kepada kumpulan eksperimen sementara kumpulan kawalan tidak diberikan rawatan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang telah dilatih mengalami kemajuan dalam motivasi pencapaian, locus kawalan dan matematik mengikut arah yang dijangka. Sebaliknya dapatan daripada analisis kovarians tidak menunjukkan perubahan yang signifikan di antara pelajar yang dilatih dan pelajar yang tidak dilatih dari segi motivasi pencapaian, locus kawalan dan prestasi akademik.

Farizan Md. Said (1997) pula menjalankan kajian bagi melihat keberkesanan modul Pembimbing Rakan Sebaya dalam meningkatkan pencapaian prestasi akademik dan juga rakan sebaya di Sekolah Menengah Kebangsaan Teknik Alor Setar, Kedah. Sampel kajian adalah seramai 44 orang yang melibatkan para pelajar tingkatan 4 dan 5 yang mewakili latar belakang pelbagai negeri, status sosio-ekonomi dan aliran kursus. Alat uji ialah soal selidik yang dibentuk sendiri oleh pengkaji tetapi tidak melaporkan kesahan dan kebolehpercayaannya. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa modul Pembimbing Rakan Sebaya dapat membantu pihak sekolah untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar dan juga pembimbing rakan sebaya, di samping pembimbing rakan sebaya sendiri berkeyakinan memperoleh keputusan yang cemerlang. Ngu Leh Seng (1995) telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara motivasi pencapaian dengan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Kajian ini telah melibatkan seramai 130 orang pelajar yang dipilih secara persempelan berstratifikasi. Alat ukuran Ujian Pencapaian Mehrabiah dan *Kolb LSI* digunakan. Dua kaedah analisis statistik telah digunakan iaitu *pearson – moment correlation* dan ANOVA sehalu. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara motivasi pencapaian dengan gaya pembelajaran. Adnan Kamis (1998) telah menjalankan satu tinjauan awal terhadap keberkesanan strategi modul pengajaran mata pelajaran Pengajian Am untuk pelajar tingkatan 6 yang telah dibuat di beberapa sekolah di Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor pada tahun 1994. Seramai 180 orang pelajar tingkatan 6 terlibat dan hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan modul dalam pengajaran mata pelajaran Pengajian Am amat menggalakkan khususnya dari segi minat, dorongan, kerjasama, pembentukan keyakinan diri, memimpin kumpulan dan berfikir luas serta merapatkan hubungan mesra di antara guru dan pelajar.

Hasil kajian di atas membuktikan bahawa modul motivasi, modul latihan atau modul pengajaran mampu memberi impak yang sungguh berkesan terhadap remaja sekolah. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan motivasi pencapaian pelajar serta prestasi akademik para remaja sekolah di samping membantu meningkatkan disiplin para remaja sekolah. Niebur (1995) telah mengkaji hubungan di antara beberapa pemboleh ubah seperti kebolehan belajar, persekitaran keluarga, iklim sekolah dan pencapaian akademik pelajar. Beliau juga ingin mengkaji peranan motivasi sebagai pengantara hubungan kebolehan dan pencapaian akademik, persekitaran keluarga dan pencapaian akademik serta iklim sekolah dengan pencapaian akademik. Kajian telah dijalankan di sebuah pekan kecil bahagian Tenggara Amerika Syarikat. Seramai 241 orang pelajar sekolah tinggi terlibat sebagai responden iaitu 76 orang kulit hitam, 128 orang kulit putih dan tujuh orang dikategorikan sebagai lain-lain.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi pelajar tiada pengaruh yang signifikan terhadap hubungan antara kebolehan dan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, motivasi telah bertindak sebagai pemboleh ubah pengantara hubungan kebolehan dan pencapaian akademik di kalangan pelajar kulit hitam. Dapatan ini mencadangkan bahawa elemen-elemen iklim sekolah dan persekitaran keluarga mempunyai impak terus kepada pencapaian akademik. Maka, beliau mencadangkan supaya program sekolah dan keluarga

dibentuk untuk memupuk motivasi pelajar dan memperbaiki hubungan antara guru dengan ibu bapa.

Leondari, Syngollitou dan Kiosseoglou (1998) dalam kajian yang dilakukan telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang membayangkan akan berjaya pada masa hadapan dan mempunyai pandangan positif terhadap diri sendiri akan lebih berjaya dalam bidang akademik berbanding kumpulan lain. Kajian ini melibatkan seramai 289 orang pelajar sekolah tinggi berumur antara 14 hingga 15 tahun dipilih secara rawak. Pengkaji telah menggunakan soal selidik yang memuatkan elemen demografi dan latar belakang keluarga, harga diri, motivasi pencapaian, halangan tugas dan kendiri masa hadapan. *Rosenberg Self-Esteem Inventory* (RSI) digubakan untuk mengukur harga diri. Motivasi pencapaian diukur menggunakan *Achievement Motivation Questionnaire* (AMQ) dan halangan tugas diperoleh melalui dua soalan yang merujuk kepada masa hadapan. Kesemua alat ukuran tersebut telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya dan hasilnya adalah sangat memuaskan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kendiri dengan pencapaian akademik. Sebaliknya tidak terdapat perbezaan motivasi pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan tetapi terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar lelaki dan perempuan serta harga diri (*self-esteem*).

Hasil kajian yang dijalankan oleh beberapa pengkaji yang dinyatakan telah menunjukkan perkaitan antara peranan aktiviti atau program latihan membawa kepada peningkatan motivasi pencapaian. Para pelajar yang mempunyai matlamat dan keinginan untuk berjaya pada masa hadapan akan mendorong dirinya mencapai realiti yang dikehendaki. Aktiviti atau program latihan melalui kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa para pelajar berminat dan mampu merubah dirinya ke arah positif. Aktiviti latihan seumpama ini menyerupai aktiviti yang terkandung di dalam modul motivasi IPT iaitu para pelajar akan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Kajian yang telah dilaksanakan, mempunyai persamaan dengan kajian ini iaitu mengkaji kesan ke atas pemboleh ubah bersandar oleh pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar mengalami perubahan akibat olahan pemboleh ubah tidak bersandar. Kebanyakan pengkaji mendapati bahawa motivasi pencapaian, pencapaian akademik dan perubahan konsep kendiri adalah signifikan dan akibat daripada penggunaan alat ukuran modul Pembimbing Rakan Sebaya, Ujian Pencapaian Mehrabian, Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu, *Thematic Apperception Test* (TAT), *Rosenberg Self-Esteem Inventory* (RSI), *Achievement Motivation Questionnaire* (AMQ) dan lain-lain alat ukuran.

## Metodologi

Ahmad Mahdzan Ayop (1983) menjelaskan bahawa kaedah atau metodologi kajian ialah bagaimana tiap-tiap objektif atau tujuan kajian itu hendak dicapai. Sementara itu, Cohan dan Manion (1980) telah merumuskan bahawa tujuan kaedah kajian ialah untuk membantu memahami secara lebih mendalam tentang proses kajian itu sendiri. Viviane (1993) menyatakan bahawa kaedah kajian ialah peringkat penyiasatan pemikiran terhadap had, sumber dan tanggapan sesuatu kaedah, yang bertujuan untuk memahami proses dan hasil penyelidikan tersebut.

Reka bentuk kajian ini ialah kajian eksperimen ujian-pra dan ujian-pasca. Reka bentuk ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan modul motivasi IPT terhadap motivasi pencapaian pelajar Universiti Putra Malaysia. Sidek Mohd Noah (2002) menyatakan bahawa reka bentuk kajian eksperimen digunakan untuk menyiasat hubungan sebab dan kesan dengan mendedahkan satu atau lebih kumpulan-kumpulan eksperimen kepada satu atau lebih rawatan dan membandingkan keputusan eksperimen kepada satu atau lebih kumpulan kawalan yang tidak menerima rawatan. Pendapat ini selaras dengan pendapat Tuckman (1978) yang menyatakan bahawa kajian eksperimen merupakan satu pendekatan yang kukuh. Pendekatan ini baik digunakan untuk menentukan kesan sesuatu latihan yang diikuti oleh sekumpulan subjek.

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan modul motivasi IPT terhadap motivasi pencapaian pelajar Universiti Putra Malaysia. Maka, penyelidikan terbahagi kepada

dua keadaan iaitu satu pemboleh ubah tidak bersandar yang hanya diberi kepada kumpulan eksperimen sahaja dan kumpulan kawalan pula tidak menerima apa-apa modul motivasi IPT. Oleh yang demikian sesuatu pemerhatian atau ukuran boleh dibandingkan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Lihat Jadual 1.

Jadual 1: Reka bentuk kajian Eksperimen Ujian-pra, Ujian-pasca dengan Kumpulan Kawalan

RAWAK	KUMPULAN	UJIAN-PRA	EKSPERIMEN/LATIHAN	UJIANPASCA
R	E	Y1	X	Y2
R	C	Y1	-	Y2

Petunjuk :

R	-	Persempelan rawak
E	-	Kumpulan eksperimen
C	-	Kumpulan kawalan
Y1	-	Ujian-pra
X	-	Eksperimen/menjalani latihan
Y2	-	Ujian-pasca
( - )	-	Tidak menerima latihan

### Subjek Kajian

Dalam penyelidikan kajian ini, bilangan sampel untuk kajian eksperimen adalah 30 orang iaitu 15 orang untuk kumpulan eksperimen dan 15 orang untuk kumpulan kawalan. Bilangan sampel ini adalah sesuai dan mencukupi berdasarkan kepada formula penentuan saiz sampel oleh Cohen (1992), untuk melihat perbezaan min skor antara dua kumpulan yang melibatkan statistik ujian-*t* bersandar. Rusell (1974) menyatakan saiz sampel untuk kelompok besar antara tujuh hingga 30 orang adalah sesuai untuk kajian eksperimen. Fraenkel dan Wallen (1996) pula menyatakan bahawa bilangan 15 hingga 30 orang adalah memadai. Johnson dan Solso (1978) menyatakan bahawa tiada bilangan sampel yang dianggap piawai untuk kajian eksperimen, kebiasaannya bilangan sampel untuk setiap kumpulan adalah melebihi 10 orang. Sidek Mohd Noah (2002) dan Tuckman (1978) menyatakan bahawa penggunaan saiz sampel yang kecil amat sesuai apabila kajian melibatkan teknik yang kompleks dan melibatkan penilaian tingkah laku. Penyelidik berpendapat bahawa saiz sampel kajian ini adalah memadai kerana menurut Fraenkel & Wallen, (1996) dan Majid Konting (1990), kajian eksperimen yang kecil atau sedikit dapat membantu mengelakkan kesan ekstranus berlaku dan mengganggu dapatan kajian.

Pemilihan subjek kajian ini adalah secara sengaja dan menggunakan pengagihan secara rawak bagi setiap kelompok. Seramai 30 orang pelajar telah dipilih menjadi sampel kajian iaitu 15 orang pelajar bagi kumpulan eksperimen dan 15 orang pelajar bagi kumpulan kawalan. Seramai 144 orang pelajar telah terpilih menjadi kumpulan kawalan dan juga kumpulan eksperimen. Seramai 30 orang daripada jumlah 144 orang pelajar tadi dipilih berdasarkan peratus purata pencapaian skor motivasi pencapaian pelajar yang mencatat keputusan sederhana iaitu 50% hingga 69%. Pemilihan subjek dilakukan mengikut cara ini kerana ingin mengekalkan ciri-ciri sejenis ahli-ahli kumpulan. Jumlah subjek dianggap mencukupi bagi kajian ini berdasarkan pandangan Frankel dan Wallen (1996) yang mencadangkan minimum 30 orang individu untuk satu kumpulan bagi kajian eksperimen meskipun menurut mereka jumlah 15 orang untuk satu kumpulan boleh dipertahan sekiranya mereka dapat dikawal dengan ketat dan sempurna. Kesemua 60 pelajar menulis nama pada kertas kecil dan kemudian dimasukkan ke dalam sebuah kotak. Penyelidik mencabut nama untuk menentukan agihan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Bagi cabutan pertama sehingga ke-15 diagihkan ke dalam kumpulan eksperimen dan cabutan ke-16 hingga ke-30 diagihkan ke dalam kumpulan kawalan. Semua subjek kajian di dalam kedua-dua kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan mempunyai tahap motivasi pencapaian yang sederhana. Kumpulan eksperimen diminta mengikuti aktiviti modul IPT yang dikendalikan oleh dua orang fasilitator iaitu penyelidik dan seorang kaunselor pelatih di Universiti Putra Malaysia.



### Instrumen Kajian

Alat ukuran yang digunakan ialah Ujian Motivasi Pencapaian (UMP) ciptaan Abu Bakar Nordin (1995). Alat ukuran ini telah diakui kesahan dan kebolehpercayaannya lebih-lebih lagi alat ukuran ini merupakan ciptaan orang tempatan dan menepati cita rasa masyarakat Malaysia. Alat ukuran ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A mengandungi sebanyak lima item yang bertujuan mengumpul biodata subjek kajian seperti nama, jantina, umur, bangsa dan keputusan *Cumulative Grade Percentoge Average* (CGPA). Keputusan CGPA merujuk kepada pencapaian akademik pelajar berdasarkan purata keseluruhan keputusan peperiksaan akhir bagi setiap semester yang telah diambil oleh pelajar tersebut.

Bahagian B ialah alat mengukur motivasi pencapaian bertujuan mengukur tahap motivasi pencapaian pelajar dengan cara membezakan antara pelajar bermotivasi pencapaian tinggi dengan pelajar bermotivasi pencapaian yang rendah berdasarkan skor yang diperolehi. Terdapat 25 pernyataan bagi mengukur tahap motivasi pencapaian berdasarkan enam faktor yang menjadi petunjuk motivasi pelajar-pelajar seperti yang terdapat pada jadual 2.

Jadual 2 : Faktor-faktor petunjuk Ujian Motivasi Pencapaian (UMP)

BIL.	FAKTOR	PENYATAAN
1.	Perancangan matlamat untuk pencapaian	2, 6, 8, 18 dan 21
2.	Ketabahan pelajar	1, 3, 4, 7, 9, 15 dan 19
3.	Jangkaan terhadap pencapaian	11, 13 dan 14
4.	Tahap kebimbangan	5, 10, dan 12
5.	Kesanggupan dalam pengambilan risiko	22, 23, 24 dan 25

Abu bakar Nordin (1995) menyatakan bahawa berdasarkan pekali kolerasi pada aras signifikan .05, nilai pekali kebolehpercayaan kesemua 25 item ini ialah .84. Jamaludin Ahmad (2001) telah menguji kebolehpercayaan alat ukuran ini pada tahun 2001 dengan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi ialah .65. Kebolehpercayaannya adalah relevan kerana menurut Mohd Majid Konting (1998), walaupun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai sesuatu alat ukuran, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada .60 sering digunakan. Dalam hal ini, Borg, Gall dan Gall (1993) menjelaskan bahawa untuk tujuan penyelidikan, kebolehpercayaan hendaklah pada nilai .60 atau lebih. Daripada pernyataan di atas, di dapati alat ukuran ini boleh digunakan dan sesuai untuk mengukur motivasi pencapaian pelajar berdasarkan pekali kebolehpercayaan alat ukuran ini.

### Analisis Data

Skor maksimum yang boleh diperolehi melalui alat ukuran Ujian Motivasi Pencapaian (UMP) ialah 125 (25 x 5) dan skor minimum ialah 25 (25 x 1). Skor tertinggi menunjukkan subjek bermotivasi pencapaian yang tinggi dan skor rendah menunjukkan subjek bermotivasi pencapaian rendah. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengkategorikan skor motivasi pelajar kepada tiga tahap iaitu motivasi pencapaian tinggi (skor 88 – 125), tahap motivasi pencapaian sederhana (skor 50 – 87) dan tahap motivasi pencapaian rendah (skor 49 dan ke bawah). Skor 88 diambil sebagai tahap motivasi pencapaian tinggi ialah kerana merupakan pencapaian skor 70% ( $88/100 \times 100\%$ ) dan skor 49 sebagai tahap motivasi pencapaian rendah kerana merupakan pencapaian skor di bawah 40% ( $49/125 \times 100\%$ ). Dalam kajian ini, aras pencapaian 70% digunakan sebagai titik pemisah (Tuckman dan Waheed, 1981). Pelajar yang memperoleh skor 70% dan ke atas dianggap telah menguasai dan mencapai tahap pencapaian yang tinggi.

Pernyataan di dalam ujian ini membezakan antara pelajar bermotivasi pencapaian yang tinggi dengan pelajar yang bermotivasi pencapaian rendah berdasarkan skor yang diperolehi. Ujian-*t* akan digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis nul yang telah dijangkakan. Bagi hipotesis pertama dan kedua, ujian-*t* bersandar digunakan untuk menguji hipotesis nul tersebut kerana perbezaan skor yang ingin dilihat adalah di antara kumpulan yang sama iaitu kumpulan eksperimen yang menerima rawatan modul motivasi dan juga kumpulan kawalan yang tidak

menerima rawatan modul motivasi. Untuk memudahkan pengiraan dan memastikan kiraan yang dilakukan tepat program komputer *Statistical packages for the Sosial Science (SPSS)* digunakan.

Oleh kerana hipotesis kajian ini adalah tidak berarah, maka ujian dua hujung telah digunakan bagi penganalisan hipotesis kajian iaitu ujian pra dan juga ujian pasca. Ujian dua hujung bersesuaian untuk digunakan apabila pengkaji ingin menentukan sesuatu rawatan atau modul yang diberikan memberikan kesan sama ada meningkat atau menurun secara signifikan (Sidek Mohd Noah, 2002).

### Dapatan Kajian

Jadual 3 : Taburan Subjek Kajian Mengikut Latar Belakang Demografi ( n = 30 )

	Kekerapan			Peratusan		
	Eksperimen	Kawalan	Jumlah	Eksperimen	Kawalan	Jumlah
<i>Jantina</i>						
Lelaki	6	4	10	40%	26.67%	33.33%
Perempuan	9	11	20	60%	73.33%	66.67%
Jumlah	15	15	30	100%	100%	100%
<i>Umur</i>						
19 – 20 tahun	4	3	7	26.67%	20%	23.33%
21 – 22 tahun	9	8	17	60%	53.33%	56.67%
Lebih 23 tahun	2	4	6	13.33%	26.67%	20%
Jumlah	15	15	30	100%	100%	100%
<i>Bangsa</i>						
Melayu	9	7	16	60%	46.67%	53.33%
Cina	3	4	7	20%	26.67%	23.33%
India	1	2	3	6.67%	13.33%	10%
Bumiputera	2	2	4	13.33%	13.33%	13.33%
Jumlah	15	15	30	100%	100%	100%

Hasil kajian yang ditunjukkan oleh Jadual 3 mendapati kajian kesan modul motivasi IPT terhadap pelajar Universiti Putra Malaysia ini di dominasi oleh perempuan iaitu sebanyak 66.67 peratus merangkumi 60 peratus di dalam kumpulan eksperimen dan 73.33 peratus di dalam kumpulan kawalan. Hanya 33.33 peratus sahaja kaum lelaki iaitu merangkumi 40 peratus di dalam kumpulan eksperimen dan 26.67 peratus di dalam kumpulan kawalan. Penglibatan subjek kajian mengikut jantina di dalam kajian ini dipengaruhi dengan jumlah pelajar lelaki dan perempuan di mana nisbah lelaki terhadap perempuan ialah 1 : 3. Hal ini adalah disebabkan oleh terdapat tiga blok kediaman untuk perempuan manakala hanya ada satu blok kediaman sahaja untuk lelaki di kawasan kajian iaitu di Kolej Tun Dr. Ismail, Universiti Putra Malaysia.

Secara keseluruhannya 56.67 peratus subjek kajian yang terlibat di dalam kajian ini adalah berumur dalam lingkungan 21 hingga 22 tahun. Manakala sebanyak 23.33 peratus berada dalam lingkungan umur 19 hingga 20 tahun dan 20 peratus subjek berumur 23 tahun dan ke atas. Peratusan umur di dalam kajian ini dipengaruhi oleh penglibatan subjek kajian iaitu pelajar Universiti Putra Malaysia yang kebanyakannya berada pada tahun ke dua dan tahun ketiga pengajian. Hanya terdapat segelintir sahaja subjek kajian yang terlibat berada pada tahun pertama dan tahun terakhir pengajian di Universiti Putra Malaysia di mana menjadi kumpulan minoriti di dalam kajian ini.

Kajian ini juga melibatkan sebanyak 53.33 peratus kaum Melayu yang menjadi subjek kajian kumpulan majoriti di dalam kajian ini. Kaum Cina pula mencatatkan penglibatan ke dua

tertinggi iaitu sebanyak 23.33 peratus. Sebanyak 13.33 peratus daripada jumlah subjek kajian ini terdiri daripada bumiputera Sabah dan Sarawak di mana menjadi kumpulan ketiga terbanyak manakala kaum India pula mencatatkan penglibatan terendah iaitu sebanyak 10 peratus di dalam kajian ini. Jumlah penglibatan kajian ini mengikut kaum juga adalah dipengaruhi oleh jumlah pelajar mengikut kaum di mana kaum Melayu menjadi kaum majoriti yang mendiami di Kolej Tun Dr. Ismail manakala kaum India menjadi kumpulan minoriti kerana jumlah pelajar India yang mendiami di Kolej Tun Dr. Ismail terlalu sedikit.

Jadual 4 : Taburan Subjek Kajian Mengikut Latar Belakang CGPA Terkini ( n = 30 )

	Eksperimen	Kawalan	Jumlah	Eksperimen	Kawalan	Jumlah
<i>CGPA</i>						
2.5 – 3.0	4	2	6	26.67%	13.33%	20%
3.1 – 3.5	9	11	20	60%	73.33%	66.67%
3.6 – 4.0	2	2	4	13.33%	13.33%	13.33%
Jumlah	15	15	30	100%	100%	100%

Berdasarkan jadual 4, hasil kajian mendapati kebanyakan subjek kajian di dalam kajian ini memperoleh keputusan peperiksaan yang sederhana di mana *Cumulative Grade Point Average* (CGPA) terkini yang telah di pungut berada pada tahap yang sederhana iaitu sebanyak 66.67 peratus di catatkan oleh subjek kajian mendapat CGPA 3.1 hingga 3.5 menjadikan kumpulan terbesar di dalam kajian ini. Ini diikuti dengan subjek kajian yang memperoleh CGPA 2.5 hingga 3.0 dengan sebanyak 20 peratus manakala subjek kajian yang memperoleh CGPA 3.6 hingga 4.0 sebanyak 13.33 peratus. Kebanyakan subjek kajian memperoleh keputusan CGPA yang sederhana di sebabkan oleh motivasi pencapaian yang berada pada tahap yang sederhana (50% hingga 69%) pada ujian pra yang telah di jalankan di mana hanya subjek yang memperoleh skor sederhana di dalam ujian pra sahaja akan menjadi subjek kajian di dalam kajian ini sama ada di dalam kumpulan eksperimen atau pun kumpulan kawalan.

Jadual 5 : Taburan Subjek Kajian Mengikut Pengalaman Mengikuti Modul Motivasi (n = 30)

	Eksperimen	Kawalan	Jumlah	Eksperimen	Kawalan	Jumlah
<i>Pengalaman</i>						
Pernah	2	4	6	13.33%	26.67%	20%
Belum	13	11	24	86.67%	73.33%	80%
Jumlah	15	15	30	100.00%	100.00%	100.00%

Berdasarkan jadual 5, hasil daripada kajian mendapati hampir ke semua subjek kajian belum pernah mengikuti modul motivasi di mana sebanyak 80 peratus daripada keseluruhan subjek kajian di dalam kumpulan eksperimen dan juga kumpula kawalan belum pernah mengikuti sebarang bentuk modul motivasi. Hanya 20 peratus sahaja daripada keseluruhan subjek kajian di dalam kajian ini menyatakan bahawa sudah pernah mengikuti modul motivasi di dalam kehidupan. Perkara ini sangat mempengaruhi dapatan kajian ini kerana kesan modul motivasi IPT yang dijalankan akan dapat di ukur dengan berkesan kerana kebanyakan subjek kajian belum pernah lagi mengikuti modul motivasi.

## Pengujian Hipotesis

### Hipotesis 1

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar yang mengikuti modul motivasi IPT (kumpulan eksperimen).

Jadual 6 : Perbezaan skor min motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca kumpulan eksperimen

UMP	n	Min	SP	Nilai t	p
Pra	15	3.11	.20	12.89	.00*
Pasca	15	3.78	.16		

Nota : \*Signifikan pada aras .05

Berdasarkan Jadual 6, skor min motivasi pencapaian pasca ialah 3.78 lebih tinggi berbanding skor min motivasi ujian pra iaitu 3.11. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen. Ia menunjukkan bahawa modul motivasi IPT telah memberikan kesan peningkatan skor min motivasi pencapaian kepada pelajar Universiti Putra Malaysia yang mengikuti modul motivasi dalam kumpulan eksperimen. Ini bermakna hipotesis 1 tidak di tolak kerana hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar yang mengikuti modul motivasi IPT (kumpulan eksperimen).

### Hipotesis 2

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar yang tidak mengikuti modul motivasi IPT (kumpulan kawalan).

Jadual 7 :Perbezaan skor min motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan

UMP	n	Min	SP	Nilai t	p
Pra	15	3.18	.24	.93	.37
Pasca	15	3.24	.30		

Nota : \*Tidak signifikan pada aras .05

Berdasarkan Jadual 7, skor min motivasi pencapaian pasca ialah 3.24 lebih sedikit berbanding skor min motivasi ujian pra iaitu 3.18. Walaupun skor min motivasi pencapaian ujian pasca lebih tinggi daripada skor min motivasi pencapaian ujian pra tetapi data menunjukkan tidak signifikan pada aras .05. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Ini bermakna hipotesis 2 ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah motivasi pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi pelajar yang tidak mengikuti modul motivasi IPT (kumpulan kawalan).

### Perbincangan

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang dibangunkan oleh Jamaludin Ahmad (2011) sesuai diguna pakai terhadap pelajar Institut Pengajian Tinggi telah memberi panduan, peluang, semangat, dorongan dan galakan kepada pelajar kumpulan eksperimen supaya menyedari keperluan dan kepentingan motivasi pencapaian dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar. Motivasi pencapaian merupakan faktor pencetus ke arah pencapaian sesuatu matlamat yang ingin dicapai. Ini bermaksud, seseorang pelajar itu dapat ditingkatkan motivasi pencapaiannya melalui pelbagai aktiviti yang terancang seperti aktiviti yang terdapat di dalam modul motivasi. Hal ini adalah bertepatan dengan pandangan Mc Clelland (1961) yang menegaskan bahawa motivasi pencapaian boleh ditingkatkan melalui latihan atau aktiviti tertentu dengan syarat pelajar tersebut mengkehendaki dirinya dimotivasikan, memahami prinsip-prinsipnya dan melibatkan diri secara aktif dalam latihan dan aktiviti tersebut.

Penyelidik juga mendapati bahawa aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah membantu peningkatan keseronokan diri pelajar dan seterusnya berjaya meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Mereka bertindak secara aktif ketika sesuatu aktiviti di jalankan sama ada di dalam kelompok atau pun secara individu

bagi memastikan ahli-ahli kumpulan berjaya menyiapkan tugas yang diberikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Mereka juga saling bertukar-tukar idea, berbincang, tolong-menolong serta memberikan dorongan ketika menyiapkan tugas yang diberikan. Oleh itu, penyelidik merumuskan bahawa aktiviti yang terdapat di dalam modul motivasi IPT menepati pandangan Mc Clelland (1961) yang menegaskan bahawa motivasi pencapaian boleh ditingkatkan melalui latihan atau aktiviti tertentu dengan syarat pelajar dilibatkan secara aktif dalam latihan atau aktiviti tersebut.

Dapatan ini telah disokong oleh Shaharom Noordin & Yap Kueh Chin (1991) dengan menyatakan bahawa penggunaan modul membolehkan pelajar belajar secara berkesan dan produktif. Ini kerana di dalam modul terdapat berbagai-bagai aktiviti yang boleh menjadi perangsang kepada pelajar untuk terus berminat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti-aktiviti tersebut telah menarik minat pelajar untuk terus mencuba menyiapkan tugas yang diberikan, lebih-lebih lagi maklum balas yang diterima oleh pelajar ketika melaksanakan sesuatu modul adalah segera, cepat dan tepat.

Dapatan ini juga telah disokong oleh dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Habibah Elias (1991) dengan menyatakan bahawa kegunaan modul boleh membantu meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Beliau menyimpulkan bahawa sekiranya ada dalam kalangan pelajar yang mempunyai masalah motivasi pencapaian yang rendah, modul motivasi IPT boleh dijadikan sebagai alat bagi pendorong bagi meningkatkan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar.

Mc Clelland (1961) menekankan bahawa motivasi pencapaian individu berkait rapat dengan motivasi dalaman individu tersebut yang menjadi pembentuk dan penggerak tingkah laku ke arah mencapai kejayaan. Oleh kerana modul motivasi IPT mempunyai pelbagai aktiviti, maka ia menjadi penggerak motivasi dalaman pelajar ke arah mencapai maklumat yang ditetapkan. Penyelidik mendapati bahawa salah satu cara untuk meningkatkan motivasi dalaman seseorang pelajar ialah apabila wujudnya persaingan yang sihat antara ahli-ahli kelompok atau antara satu kelompok dengan kelompok yang lain. Persaingan ini memerlukan kemenangan, maka ia akan menjadi pendorong kepada individu atau kelompok tersebut untuk memberikan persembahan atau melaksanakan aktiviti yang ditetapkan dengan bersungguh-sungguh.

Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1991) menyatakan bahawa antara kebaikan modul adalah modul juga boleh mengurangkan ancaman menghadapi kegagalan. Perkara ini akan mendatangkan dan meningkatkan semangat kerjasama di antara individu atau ahli-ahli kelompok dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik menyokong pandangan mereka kerana di dalam aktiviti modul motivasi IPT memerlukan seseorang individu atau ahli-ahli kelompok yang saling bekerjasama semasa menyiapkan tugas dan lebih-lebih lagi terdapatnya unsur persaingan bagi memperoleh kemenangan. Persaingan yang sihat dapat meningkatkan motivasi pencapaian pelajar-pelajar lebih-lebih lagi pelajar tersebut mengkehendaki dirinya dimotivasikan (Mc Clelland, 1961).

Pencapaian sesuatu matlamat mudah tercapai apabila individu tersebut cukup bersedia untuk dimotivasikan, aktiviti-aktiviti di dalam modul mudah diikuti, boleh menarik minat pelajar mengikutinya, ada unsur-unsur persaingan dan tunjuk ajar daripada fasilitator. Adnan Kamis (1998) menyatakan *moderator* atau fasilitator perlu memberikan penerangan yang terperinci kepada pelajar sebelum aktiviti modul di laksanakan. Ini kerana bagi menjamin objektif modul berjaya dicapai dengan sebaik mungkin.

Suradi Salim (1981) menyatakan bahawa motivasi dalaman boleh mendorong pelajar menjadi tekun belajar bagi memenuhi keinginannya untuk memperoleh kepuasan dirinya setelah berjaya mengikuti aktiviti-aktiviti tertentu. Keinginan untuk mencapai sesuatu matlamat akan mendorong individu mengharungi dan mencuba melakukan sesuatu yang sukar dengan seberapa segera dan sebaik yang mungkin (Mc Clelland, 1985). Di dalam modul motivasi, setiap aktiviti yang dijalankan menjurus ke arah pencapaian matlamat tertentu. Oleh yang demikian, pelajar akan cuba untuk mencapai matlamat tersebut dengan bantuan dan dorongan daripada fasilitator.

Atkinson (1964) menyatakan bahawa motivasi pencapaian boleh berlaku disebabkan dua motif iaitu motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelak kegagalan. Individu

yang mempunyai motif mencapai kejayaan memerlukan persaingan dan keseronokan. Oleh itu modul motivasi menyediakan pelbagai aktiviti yang berunsur persaingan dan menimbulkan keseronokan. Pelajar akan bersaing dan berlumba-lumba antara satu dengan yang lain untuk mencapai matlamat tertentu. Hal ini berlaku kerana semua pelajar dilibatkan dan digalakkan mengikuti setiap aktiviti di dalam modul motivasi IPT. Penglibatan secara aktif meningkatkan dorongan dan persaingan serta mewujudkan keseronokan.

Pelajar-pelajar yang mengikuti modul motivasi IPT berpeluang berinteraksi dan mendapat inspirasi melalui perhubungan sosial yang positif antara mereka turut memberi kesan kepada peningkatan motivasi pencapaian. Weinstein (1991) berpendapat bahawa keupayaan seseorang pelajar berinteraksi antara rakan, bergaul dan menyesuaikan dirinya di dalam kelompok sosial akan menambahkan pengalaman kemahirannya.

Dapatan kajian ini mendapati bahawa modul motivasi IPT berkemampuan meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Dapatan kajian ini telah menyokong dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Sidek Mohd Noah dan Mohd Ali Jammal (1998), Mohd Ali Jammal (1999), Zarina Abd Wahad (1991), Shaharom Noordin (1995), Jamaludin Ahmad (2001), Habibah Elias (1991), Adnan Kamis (1998), dan Shaharom Noordin & Yap Kueh Chin (1991). Dapatan kajian mereka membuktikan bahawa sesuatu modul boleh membantu meningkatkan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar.

Kesimpulannya, modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang dibangunkan oleh Jamaludin Ahmad (2011) berkemampuan meningkatkan motivasi pencapaian pelajar apabila terdapat peningkatan di dalam skor ujian pasca pada kumpulan eksperimen. Hal ini membuktikan bahawa modul motivasi IPT boleh diterima sebagai satu alat, bahan dan sumber penting untuk meningkatkan motivasi, semangat dan dorongan kepada pelajar bagi mencapai matlamat-matlamat yang dikehendaki.

## **Implikasi Kajian**

### **Implikasi Teoritikal**

Dapatan kajian ini telah membawa kepada beberapa implikasi secara teoritikal. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa modul motivasi IPT berjaya meningkatkan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia. Terdapat pelbagai cara yang boleh membantu peningkatan motivasi pencapaian pelajar. Salah satu cara ialah melalui kaedah penggunaan modul motivasi seperti modul motivasi IPT yang telah dijalankan kepada pelajar Universiti Putra Malaysia. Pengkaji-pengkaji seterusnya pada masa akan datang boleh menjadikan modul motivasi IPT ini sebagai bahan, alat dan sumber rangsangan, dorongan dan penggerak ke arah peningkatan motivasi pencapaian. Alat untuk mengukur motivasi pencapaian perlulah di cari skor pekali kebolehpercayaan terlebih dahulu untuk memastikan pengukuran motivasi pencapaian betul-betul dapat di ukur dengan baik untuk menguji keberkesanan modul motivasi IPT yang bakal dijalankan seperti alat ukuran Ujian Motivasi Pencapaian (UMP). Teori Motivasi Pencapaian oleh Mc. Clelland sesuai untuk dijadikan panduan dan rujukan kerana pendekatan teori ini sangat bertepatan dengan pemboleh ubah yang dikaji iaitu motivasi pencapaian pelajar Universiti Putra Malaysia.

### **Aplikasi Praktikal**

Kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa modul motivasi IPT yang dihasilkan oleh Jamaludin Ahmad (2011) mempunyai keberkesanan yang tinggi dalam meningkatkan kadar motivasi pencapaian pelajar Universiti Putra Malaysia. Oleh kerana itu ke semua 55 buah aktiviti yang terkandung di dalam modul motivasi ini sesuai dan boleh digunakan sebagai alat yang boleh memberi bimbingan dan motivasi ke arah membawa pelajar Universiti Putra Malaysia menuju tahap kecemerlangan secara menyeluruh dan mampu untuk memenuhi kehendak pasaran pekerjaan pada masa ini setelah tamat pengajian di Universiti Putra Malaysia kelak. Hakikatnya, modul motivasi IPT merupakan alat, bahan, sumber yang boleh meningkatkan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar IPT malah dapat meningkatkan minat pelajar ke arah proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat membantu pensyarah memudahkan proses pengajaran di dalam bilik kuliah.

Modul motivasi IPT juga dapat menarik minat pelajar untuk terus belajar kerana modul ini mempunyai pelbagai aktiviti. Melalui aktiviti tersebut, pelajar tidak merasa bosan malah aktiviti ini menjadi pendorong, penggerak dan pencetus kepada diri pelajar untuk mengikuti sesuatu aktiviti sehingga tamat. Melalui aktiviti-aktiviti tersebut dapat menimbulkan rasa seronok dan menghilangkan rasa bosan serta mewujudkan rasa ingin tahu seterusnya mengikuti sesuatu aktiviti itu hingga tamat. Hal ini membuktikan bahawa untuk mewujudkan rasa minat pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran di dalam bilik kuliah adalah disyorkan agar penyarah menyelitkan aktiviti yang bersesuaian dengan subjek yang diajarkan untuk menambahkan minat pelajar belajar serta menghilangkan rasa bosan pelajar.

Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berkemampuan meningkatkan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia. Oleh itu, ia memberi peluang kepada penyelidik lain untuk mengkaji kesan modul ini dari aspek-aspek yang lain pula selain daripada motivasi pencapaian seperti yang dilakukan dalam kajian ini. Antara kajian lain boleh dilakukan seperti melihat kesan modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dari aspek pencapaian akademik, perubahan sikap dan perubahan tingkah laku.

### **Cadangan**

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperoleh mengenai modul motivasi IPT ini, maka disarankan beberapa cadangan kepada pembina-pembina modul dan juga pengkaji-pengkaji mengenai modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ini pada masa akan datang.

1. Kajian mengenai modul motivasi IPT ini boleh dipelbagaikan untuk mengkaji dari aspek yang lain selain daripada motivasi pencapaian. Sebagai contoh dari aspek pencapaian akademik, perubahan sikap dan juga perubahan tingkah laku.
2. Dicadangkan juga agar kajian lanjutan berhubung dengan keberkesanan modul motivasi IPT ini dijalankan di negeri-negeri lain atau di IPT lain di seluruh negara. Sekiranya keputusan yang diperoleh adalah sama, maka dicadangkan agar modul motivasi IPT ini dijadikan rujukan kepada kaunselor di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk dijadikan modul rujukan dalam menjalankan program-program berbentuk motivasi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing.

### **Kesimpulan**

Tujuan utama kajian eksperimen adalah untuk mengenal pasti kesan modul motivasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap motivasi pencapaian. Populasi kajian telah dikenal pasti secara teliti dan sampel kajian untuk menentukan kesan modul motivasi IPT telah dipilih secara rawak. Untuk menentukan ketepatan dan ketekalan kajian, alat ukuran Ujian Motivasi Pencapaian (UMP) telah digunakan untuk menentukan kesan modul motivasi IPT terhadap motivasi pencapaian pelajar Universiti Putra Malaysia. Dengan menggunakan reka bentuk yang sesuai, penentuan saiz sampel secara teliti serta penggunaan alat ukuran yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi maka terhasillah dapatan kajian yang meyakinkan. Kajian ini telah dapat menjawab persoalan dan hipotesis kajian serta secara keseluruhannya kajian ini berjaya mencapai semua tujuan kajian yang telah dikemukakan. Namun kajian ini masih mempunyai beberapa kelemahan serta kekurangan yang mungkin boleh diperbaiki oleh pengkaji yang lain pada masa akan datang untuk memastikan lagi keberkesanan modul motivasi IPT ini.

### **Rujukan**

- Abu Bakar Nordin (1995). *Penilaian Afektif*. Kajang: Masa Interprise.
- Adnan Kamis (1998). *Modul: Pendekatan Pengajaran Pengajian Am*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mahdzan Ayop (1983). *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1998). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson, J W. (1964). *An Introduction To Motivation*. Princeton, New Jersey : Van Nostrand.

- Badrunsham Dahalan (1999). *Keberkesanan Latihan Pembimbing Rakan Sebaya Terhadap Motivasi Pencapaian dan Pencapaian Akademik*. Projek master Sains yang tidak diterbitkan. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Bleur, J.C. (1989). *Counselling Underachiever: A Counselor's Guide to Helping Student Improve Their Academic Performance*. Michigan : ERIC Counselling and Personal Clearing House.
- Brog, W.R., Gall, J.P., & Gall, M.D (1993). *Applying Educational Research: A Practical Guide (3<sup>rd</sup> ed.)*. New York : Longman.
- Chuah Kim Lian (1995). *Effects of a Achievement Motivation Training of A Group of Secondary School Student*. Projek Master Sains yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Cohan, L., & Manion, L. (1980). *Research Methods in Education*. London: Croom Helm Ltd.
- Cohan, J. (1992). *A Power Primer*. Psychological Bulletin, 112, 155-159.
- Farizan Md. Said (1997) *Keberkesanan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Meningkatkan Pencapaian Prestasi Akademik*. Projek ilmiah tahun akhir yang tidak diterbitkan . Kedah : Institut Perguruan Darulaman.
- Fraenkel, J.R. & Wallen. N.E. (1996). *How to Design and Evaluate Research in Education (3<sup>rd</sup> rd.)*. New York: Mc Graw. Hill, Inc.
- Habibah Elias (1991). *Kesan Latihan Motivasi Pencapaian Ke Atas Pelajar Universiti*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaludin Ahmad (2001). *Kesahan Kandungan, Kebolehpercayaan Dan Keberkesanan Modul PMD Terhadap Motivasi Pencapaian Pelajar Negeri Selangor*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad (2008). *Modul & Pengendalian Bimbingan Kelompok*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad (2011). *Modul Motivasi Diri*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leondari, A., Syngillitor, E., & Kiosseoglou, G. (1998). *Academic Achievement Motivation and Future Selves*. Journal of Educational Studies, 24, 153-161.
- Mc Clelland, D.C (1985). *Human Motivation Glenview*. Illinois: Scotti Foresman and Company.
- Mc Clelland, D.C. (1961). *The Achieving Society*. New York: D. Van Nostrand Reinhold.
- Mc Guire, D.E & Lyons, J.S (1985). *Trancontextual Model for Intervention with Problem of School Underachievement*. The American Journal of Family Therapy, 13, 3, 37-45.
- Metcalf, B.M.A (1981). *Self Concept and attitude to School*. British Journal of Educational psychology, 51, 66-76.
- Mohd Ali Jaamat (1999). *Keberkesanan Modul Motivasi Terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar di Beberapa Buah Sekolah Menengah Daerah Jelebu, Negeri Sembilan*. Projek Master Sains yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Percetakan pertama Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Percetakan Ke Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Niebur, K. (1995). *The Effect of Motivation on the Relationship of School Climate, Family Environment and Student Characteristic to Academic Achievement*. ERIC Document Reproduction Services No: ED 393202.
- Ngu Leh Seng (1995). *Hubungan Motivasi Pencapaian Dan Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia*. Projek Ilmiah tahun Akhir yang tidak diterbitkan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusell, J.D. (1974). *Modular Instruction: A Guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. New York: Burgess Publishing Company.
- Shaharom Noordin & Yap Kueh Chin (1991). *Ke Arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul*. Jurnal Pendidikan Guru, 7, 89-107.
- Shaharom Noordin (1995). *Pencapaian Akadmik Para Pelajar Tingkatan Empat Dalam Mata Pelajaran Fizik Menerusi Kaedah Pengajaran Bermodul*. Jurnal Guru, 7, 474-479.
- Sidek Mohd Noah & Mohd Ali Jaamat (1998). *Keberkesanan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu Terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Sembilan*. Jurnal PERTANIKA; Journal of Social Science and Humanities, 6, 63 – 7.



- Sidek Mohd Noah (2001). *Perkembangan Kerjaya : Teori dan Praktis*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Suradi Salim (1987). *Tinjauan Sikap Dan Tabiat Belajar Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Negeri Selangor*. Jurnal Pendidikan, 11, 77-90.
- Tuckman, B.W. (1978). *Conducting Education Research*. New York; Harcourt Brace Jovanovich.
- Viviane, R. (1993) *Problem – Based Methodology*. New York: Pergamon Press.
- Weinstein, C. (1991). The Classroom As a Social Context for learning. *Annual Review of Psychology*, 42, 493-525.
- Zarina Abd Wahab (1991). *Keberkesanan Modul Motivasi Terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar Matrikulasi Kolej Pendeta Za'ba, UPM*. Projek Ilmiah Tahun Akhir bagi Bachelor Pendidikan yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.